

# Hasil kajian pelaksanaan indeks syariah dibentang awal tahun depan

**KUALA LUMPUR** - Hasil penyelidikan bagi pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia (ISM) yang sedang dalam kajian ketika ini dijangka dibentangkan kepada kerajaan awal tahun depan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, hasil kajian itu akan dibentangkan apabila dapatan penyelidikan diperoleh daripada lima universiti yang sedang menjalankan penyelidikan berhubung ISM.

“Antara universiti yang terlibat dengan penyelidikan ISM ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dalam bidang perundangan Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam bidang politik, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) dalam bidang ekonomi dan kesihatan serta Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam bidang budaya, sosial, prasarana dan persekitaran,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Marang)** yang meminta Perdana Menteri menyatakan tindakan dilakukan Panel Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah dalam mengukur tahap komitmen kerajaan dalam lapan sektoral iaitu Perundangan, Pendidikan, Ekonomi, Budaya, Prasarana, Kesihatan, Politik dan Sosial.



**ASYRAF**

Asyraf Wajdi berkata, majlis menandatangani perjanjian kerjasama penyelidikan (MoA) ISM bersama lima universiti berkenaan diadakan pada 8 September lalu dan kerjasama dengan pelbagai agensi di peringkat persekutuan dan negeri turut dijalankan.

Dalam pada itu, beliau berkata, kaedah penyelidikan an ISM adalah berasaskan

kajian rintis yang dibangunkan oleh UIAM merangkumi prinsip maqasid syariah, mekanisme pembinaan ISM, metodologi dan pengiraan skor.

“Kaedah penyelidikan ISM yang digunakan berasaskan kepada dua kaedah iaitu analisis dokumen dan kaji selidik,” katanya yang membuat kemunculan sulung di Dewan Rakyat selepas dilantik sebagai timbalan menteri.

Beliau berkata, kaedah pengukuran skor ISM pula diperoleh dengan mengambil kira purata pemberat tiga indeks iaitu indeks syariah (pembuat dasar), indeks syariah (pelaksana dasar) dan indeks syariah (masyarakat) yang dibangunkan oleh sekumpulan pakar statistik daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Katanya, kaedah itu boleh dirujuk dalam buku Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah yang diterbitkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. - *Bernama*